

22/11/2001

Radio, TV henti program hiburan

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua stesen radio dan televisyen swasta bersetuju menghentikan program berbentuk hiburan bagi menghormati suasana berkabung berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, hari ini.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata mereka bersetuju menggantikan program itu dengan yang bercorak agama.

Beliau juga meminta stesen televisyen kabel turut bekerjasama dalam menghormati suasana berkabung.

"Kita nak suasana muram dan suasana berkabung, sekurangnya-kurang hari ini dan esok serta sepanjang tempoh berkabung," katanya selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman kemangkatan itu menerusi RTM di Angkasapuri, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M Kayveas, berkata premis hiburan termasuk panggung wayang, pusat hiburan, pub dan disko diminta menutup premis mereka hari ini dan esok sebagai menghormati kemangkatan Seri Paduka.

"Bagi pusat beli-belah, saya fikir ada sesetengahnya yang akan menutup premis mereka dan ada yang tidak. Itu terpulang kepada pengurusan pusat beli-belah masing-masing.

"Untuk premis hiburan dan taman tema pula, mereka diwajibkan menangguhkan sementara operasi mereka sehingga jenazah Almarhum selamat dimakamkan," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), berkata semua pusat hiburan diminta menangguhkan operasi bagi menghormati perkabungan kemangkatan Seri Paduka sehingga jenazah selamat dimakamkan.

Beliau berkata, arahan itu meliputi semua jenis pusat hiburan termasuk panggung wayang, taman tema, pub dan disko.

Sementara itu, jurucakap Golden Screen Cinemas (GSC) ketika dihubungi berkata, semua pawagam GSC di seluruh negara akan ditutup berkuat kuasa mulai jam 3 petang ini sehingga esok.

(END)